

SEMINAR PAPERS

PENULIS DENGAN KETUKANGANNYA

MASURI S N

No. 1/2

Academic Session 1990/91

ISBN 9971-62-261-0

Department of Malay Studies
National University of Singapore

FOREWORD

I am pleased to write this short foreword to introduce the Department's Seminar and Occasional Papers Series. The series provides the opportunity for staff members of the Department as well as scholars of Malay Studies in general to have their research findings on Malay subjects made known to a wider audience. It is also hoped that this initiative will provide the avenue for a beneficial exchange of ideas and viewpoints on Malay issues between town and gown.

The Department would like to thank Hotel Properties Pte Ltd for sponsoring the publication of the series.

Finally, it should be mentioned that the views expressed in the seminar and occasional papers series are those of the respective authors.

3 January 1991

Assoc Prof Tham Seong Chee
Head
Department of Malay Studies

PENULIS DENGAN KETUKANGANNYA

MASURI S N

Apabila memperkatakan tentang 'Penulis dengan ketukangannya', maka sekali gus akan melibatkan tiga perkara pokok:

- (a) sejarah sastera
- (b) kesekitaran
- (c) bakat

(a) *Sejarah Sastera*

Bila sahaja dalam memperkatakan pelaksanaan penulis terhadap craftnya (seni ketukangannya), maka hubungan kerja yang definitif terjelus wujud antara cara penulis itu menggunakan alat dan bahannya dengan zaman yang sedang dihayatinya.

Hubungan yang saya maksudkan akan kita temui bila sahaja penulis dengan cita rasa fikirannya berjaya menjelmakan bahan-bahan mentah pengalamannya menjadi sebuah karya sastera (ada bentuk dan isinya). Maka di sini jelaslah bahawa seni ketukangan seseorang penulis itu berkaitan rapat dengan kesedaran penulis terhadap kesejarahan di mana penulis itu berfungsi.

(b) Kesekitaran

Kesekitaran seseorang penulis juga menentukan ketukangan dan seninya dalam menghasilkan karya sastera.

(c) Bakat

Bakat seseorang penulis juga menentukan nilai seni dan ketukangannya.

Untuk memberi huraian yang sedikit lanjut, izinkanlah saya terus semampu-mampu saya memperkatakannya.

Adapun seorang penulis itu jika tidak mengetahui basis sejarah sastera dalam media yang dihasilkannya, maka ini akan memperlambat perkembangannya dalam meninggikan nilai seni dan ketukangannya. Mengapa? Kita ambil contoh begini. Seorang penulis memilih genre puisi. Tanpa tahu menahu tentang sejarah perkembangan puisi kita, maka ia mungkin sahaja menghasilkan puisi-puisi yang tidak terarah dan tidak karuan bentuk dan isinya.

Dia tidak tahu apakah yang ditulisnya itu bentuk-bentuk puisi lama (pantunkah, syairkah, gurindamkah, atau apa sahajalah namanya). Atau dia mungkin sahaja mengaut dari puisi barat, timur, utara dan selatan? Jika dalam keadaan begini sahaja seorang penulis itu sudah kacau-bilau, maka bagaimanakah kita hendak mengharapkannya bercakap soal gagasan dalam penulisan puisi; soal visi dalam penulisan puisi kita menjelang abad kedua puluh satu?

Jadi penting sekali seorang penulis menyedari penuh sejarah sasteranya. Dengan memiliki pengetahuan dasar tentang sejarah sastera, maka seorang

penulis tidak terpaksa membuat 'trial and error' dalam penulisannya. Pendekatan 'trial and error' melambatkan kemajuan sastera, khususnya puisi tanah air. Mengapa?

Apabila satu generasi penulis, penyair telah membuat kemajuan dalam penulisannya (sajakkah, cerpenkah, novelkah dan sebagainya), generasi penerus akan tidak dapat menyambung tradisi yang telah dicapai oleh generasi sebelumnya, kerana dia tidak memiliki kesedaran sejarah sasteranya.

Akibatnya? Generasi baru berfikir penemuannya itu adalah sesuatu yang 'significant', padahal sebenarnya gagasannya itu sudah lapuk dan telah pun lebih dahulu diterokai dan dirumuskan oleh generasi sebelumnya.

Kemudian kita ambil pula dalam genre lain. Katakanlah cerpen. Seorang penulis terjun menghasilkan cerpen tanpa tahu sedikit pun sejarah penulisan dan penghasilan cerpen tanah air. Apa jadinya? Maka lahirlah gaya cerpen-cerpen yang sudah pun ditulis lima puluh tahun yang lalu dari hasil penanya. Kenapa? Sebab penulis ini tadi tidak mengetahui sejarah perkembangan cerpen tanah air, apa lagi cerpen dunia. Maka jadilah hasil penulisan kita berulang-ulang dari 'itu' ke 'itu' juga. Sukar sekali menampakkan graph menaikinya. Kita masih tetap ditakuk lama juga.

Kerana kita tidak menyusuri dan menghayati sejarah perkembangan cerpen kita semasak-masaknya (sekadar menjenguk-jenguk sahaja), bila terbaca gaya 'baru' penulisan dari luaran yang belum pun tentu baiknya, kita pun terburu-buru jadi 'bunglon' menirunya dengan cukup tekun sekali. Tentulah penulis begini akan gagal dengan seninya, dengan ketukangannya, kerana dia tidak pernah peduli apa yang ditulisnya dan mengapa ia menulis...

Menyentuh soal kesekitaran pula yang banyak sekali hubungannya

dengan seni dan ketukangan seorang penulis dalam pengkaryanya, saya fikir tidak perlu diperpanjang bicara lagi di sini.

Hasil sastera pada hakikatnya adalah realiti sosial. Oleh itu jika seorang penulis sekadar membiarkan dirinya diserap (dirasuk) oleh kesekitarannya (mungkin kesekitarannya teruk, bobrok, makmur, mewah dan apa sahajalah keadaannya) apa yang dihasilkan oleh penulis itu tadi hanyalah sekadar pantulan atau cermin masyarakatnya sahaja. Dan ini, saya fikir, tentu tidak berapa berguna untuk dapat diterima sebagai hasil karya sastera yang bermutu. Paling-paling tinggi ia menjadi dokumentasi untuk bahan kajian disiplin di luar bidang kesusasteraan...

Adapun yang eloknya, saya fikir, dalam menghadapi kesekitaran apa pun, seorang penulis harus menghasilkan karya sastera bukan sekadar melapur semacam 'pedestrian reporting', merekodkan sesuatu peristiwa tetapi yang terlebih pentingnya ialah mencuba memberi makna yang tersirat di sebalik apa yang tersurat yang dialami oleh manusia umumnya sebagai kehidupan rutin.

Saya sentuh soal ketiga, iaitu bakat. Ya - ini memang diakui. Seorang penulis yang tidak mempunyai bakat, biar mati-mati berusaha, hanya bakal menjadi seorang tukang (craftman) sahaja. Karyanya tetap tidak akan ber'soul' (bernyawa). Jadi bakat perlu. Ini anugerah Illahi. Bersyukurlah sesiapa di antara kita yang memilikinya. Tetapi ini bakat semula jadi. Dia perlu diasuh, diasah terus-menerus tidak berhenti-henti, jika kita mahukan mutu penulisan kita bertambah baik dari masa ke semasa. Harus ada kemahuan dan usaha gigih.

Dalam hal ini lihat sahaja sejarah perkembangan sastera kita. Berapa banyak penulis-penulis kita yang pada peringkat permulaannya menulis cukup

menjanjikan, tetapi dalam waktu yang pendek sahaja ternyata nilai seninya menurun, atau paling baik tetap ditahap lama yang pernah mula-mula dicapainya dahulu ketika menulis. Kenapa? Sebab penulis begini bergantung bulat kepada bakat alam. Fikirnya aku berbakat. Apa perlunya membaca karya penulis lain, apa lagi mempelajarinya? Apa faedahnya mendalami ilmu mengenai sastera? Apa manfaatnya meneliti gaya dan cara binaan sesebuah karya sastera?

Akibatnya? Kita semua yang rugi. Sastera kita jadi kerdil. Dari titik ke titik itu juga. Sebab bila datang generasi baru atau generasi penerus, mereka pun memulau dari huruf 'A' lagi...

Bercakap terang, saya sebetulnya belum selesai memikirkan soal 'penulis dan ketukangannya' ini sejak beberapa tahun yang lalu. Maka itu saya senang sekali dapat mengemukakan pendapat-pendapat mentah saya yang belum pernah diuji ini.

Untuk sementara saya berpendapat sedemikian dalam soal penulis dan ketukangannya:

- (a) akibat kerja seninya, seorang penulis itu secara kolektif - yakni introspeksi dan wawasannya - dengan sendirinya melembagakan ukuran dan definisi zaman yang dihadapinya. Adalah jelas di sini bahawa kegiatan seorang penulis (seniman) dengan ketukangannya yang menyumbang kepada penjelmaan sebuah kesekitaran, lalu menjadi sebuah kebudayaan.
- (b) bahawa seorang penulis dengan seninya yang berruarah mestilah sekurang-kurangnya menjadi pengkritik karya-karyanya sendiri. Sebab hasil karya ciptaannya, bahkan seluruh hasil karyanya, akan

terus berkembang hanya jika ia sentiasa menjadi subjek penilaian kembali (re-evaluation). Jelasnya, penulis yang berkenaan mengkedepankan ciptaan-ciptaannya berhadapan dengan struktur masa/zaman yang lalu. Pada masa yang sama ia menaksir adakah karya-karyanya itu tadi 'relevant' dengan karya-karya kontemporari penulis-penulis lainnya?

Saya berpendapat sesungguhnya tindakan sengaja seorang penulis menilai hasil karyanya sendiri bermakna ia cukup mengambil peduli dan sentiasa mempertajam seninya, ketukangannya, sensitivitinya dalam menghasilkan penulisan kreatifnya.

Kemudian saya menanggapi selanjutnya bahawa saya diminta menerangkan tentang cara menyusun dan mengubah sajak; bagaimana cara memilih kata-kata dan ungkapannya; bagaimana cara mencari irama dan rima serta menyesuaikan pula dengan keseluruhan sajaknya. Saya kira segala-galanya inilah yang disebut teknik persajakan. Teknik bagaimana mengarang sajak dan menghasilkannya menjadi sebuah karya seni yang bermakna.

Tetapi di sinilah terletaknya soal yang bertentangan dengan sikap pokok dalam pandangan saya mengenai puisi. Ini adalah kerana saya berpendirian bahawa puisi yang sejati, murni dan abadi tidak harus dilucuti urat saraf dan urat nadinya, semata-mata kerana kita hendak tahu apakah sebenarnya puisi itu. Dan lagi, jika cara begini diteruskan, maka sudah terang kita telah merendahkan nilai dan kemungkinan yang boleh dicapai oleh puisi sebagai cabang kesenian dan kebudayaan.

Menurut pendapat saya kalau kita bicarakan puisi dari segi teknik dan ketukangannya semata-mata, maka hal ini bererti kita hanya menganggap puisi sebagai bahan dari pengajian yang mati, beku, apa lagi untuk dapat

diterima sebagai salah satu alat yang membayangkan perkembangan batin dan rohani manusia. Sebab apalah puisi itu sebenarnya - kalau sudah ditanggalkan satu-satu, lalu dikupas bersih hingga terkoyak segalanya. Juga apakah dengan berbuat demikian, maka kita telah berjaya betul-betul dapat memahami, menghayati, dan menikmati seluruh bentuk, isi dan jiwa penyajaknya?

Dalam hal ini, siapa pun yang mengetahui bahwa makna sebuah puisi adalah lebih dari 'apa yang tersurat', akan mengakui bahwa yang lebih utama ialah 'apa yang tersirat'. Siapa pun yang mengetahui akan lekas-lekas menolak pandangan yang terkurung, yang menganggap puisi itu satu perkara yang boleh didapat semata-mata dengan semacam kepandaian menjalankan kereta atau belajar membuat kira-kira? Atau kalau hendak lebih tegas: puisi itu dapat dicapai keseluruhannya dengan menggunakan otak dan pemikiran kita sahaja. Saya kira hal demikian tidak mungkin.

Sebab apakah sebenarnya puisi? Beribu definisi telah dibuat mengenainya. Tidak ada yang salah tetapi tidak ada yang mutlak, seperti kita secara tuntas dapat berkata: "Dua kali dua adalah empat." Katakanlah kita ambil salah satu definisinya yang berbunyi: "Puisi itu adalah alat pengucapan jiwa penyair untuk menyatakan perasaan dan pandangannya mengenai sesuatu persoalan dengan menggunakan bentuk kata yang indah dan isinya yang cukup bermakna." Jadinya di sini dalam puisi soal yang utama bukanlah soal kulit (luaran), yakni soal teknik melulu tetapi yang utama ialah soal isi; yakni soal penjiwaan dan jelmaan jiwa penyairnya.

Sebab apa pun yang hendak dikata, bahawa kepandaian bersajak (semacam craft atau ketukangan) umpamanya kepintaran menyusun kata-kata yang elok; perumpamaan dan perbandingan (metafora) yang indah-indah, ditambah

dengan ungkapan-ungkapan yang merdu didengar telinga, sekalipun perkara-perkara ini perlu bagi sesebuah puisi tetapi tidaklah bermakna kepandaian serupa ini merupakan syarat mutlak yang dapat dijadikan ukuran bagi sesebuah sajak itu bermutu tinggi. Kepandaian itu tadi hanya teknik semata. Pada hal sebuah puisi yang dapat diperakui bernilai tinggi, terdapat dalamnya 'rasa punjangga' atau jelmaan jiwa penyairnya menyeluruh dan menyegar dalam puisi ciptaannya.

Sekiranya masih terus ada juga pertanyaan mengapa sebuah sajak itu tidak dapat diterima sebagai sebuah hasil seni yang tinggi mutunya pada hal tekniknya cukup baik, maka jawapannya ialah kerana kepandaian dan ketukangan yang dipelajari dalam teknik penulisan sajak sahaja, tetapi tidak dijiwai dengan rasa dan jelmaan semangat penyairnya, adalah ibarat rangka tiada berdaging. Ya - memang sekali pandang, sekali tatap mungkin mengagumkan; mungkin kita terpukau atau terpesona oleh kecekapan ketukangannya, tetapi bila dihayati diresapi, maka terasa hambar semata. Kenapa? Sebab dalam puisi itu tidak terdapat keseimbangan antara bentuk dan isinya.

Kalau diteruskan berfikir sampai di sini, mungkin sekali akan timbul anggapan bahawa seolah-olah menulis puisi itu tidak memerlukan teknik kesusasteraan. Tetapi saya fikir pendapat demikian agak terlalu tergesa-gesa. Kerana di manakah ada ciptaan seni di dunia ini yang dapat diterima sebagai satu ciptaan yang bernilai tinggi, kalau di dalamnya tidak mengandungi aturan (order) yang bisa diterima sebagai aturan yang awal menentukan tugasnya. Hanya yang hendak saya tekankan di sini ialah segala hasil ciptaan seni (termasuk puisi) yang dapat diterima oleh perasaan dan pancaindra kita akan kehalusan dan keindahannya itu bukanlah dapat kita dengan pendekatan mengatakan sebahagian-sebahagiannya, melainkan mestilah diterima pada

keseluruhannya.

Puisi memang memerlukan teknik kesusasteraan. Tetapi tugasnya hanyalah sekadar meningkatkan mutu puisi itu sahaja, yakni tidak sampai dapat kita membuat ukuran dengan berkata: "Bahasa sesebuah sajak atau puisi yang di dalamnya mematuhi semua syarat-syarat dan teknik menulis puisi, maka puisi itu tinggi mutunya."

Kecuali sudah ada persenyawaan antara kepandaian, ketukangan bersajak dengan keseimbangan dan penjiwaan dari penyairnya, maka barulah ia dapat diterima sebagai ukuran yang menentukan sebuah puisi itu bernilai atau sebaliknya.